

19 NOV 2002
Dewan-Melaka (Mahkamah)
MELAKA SUSUN MAHKAMAH SYARIAH

MELAKA, 19 Nov (Bernama) -- Kerajaan negeri sedang merancang penyusunan semula Mahkamah Syariah dengan menambah bilangan hakim dan para pegawai sokongan sebagai usaha meningkatkan kecekapan mahkamah itu dan mengatasi masalah kes tertangguh, Dewan Undangan Negeri Melaka diberitahu hari ini.

Ketua Menteri Datuk Seri Mohd Ali Rustam berkata selain itu, beberapa langkah lain untuk memperbaiki urusan Mahkamah Syariah yang akan diambil ialah dengan mewujudkan Majlis Sulh.

Majlis itu akan mengatur perbincangan antara pihak yang terlibat untuk menyelesaikan kes dengan secepat mungkin, katanya menjawab soalan Datuk Abdul Azis Abdul Ghani (BN-Sungai Rambai) pada persidangan ketiga (belanjawan) hari ini.

Mohd Ali yang juga Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama berkata langkah lain yang diambil termasuk menyediakan sistem berkomputer atau E-Syariah yang menghubungkannya dengan jabatan-jabatan lain yang berkaitan seperti polis, imigresen dan Mahkamah Syariah negeri lain.

"Sehingga kini sebanyak 90 peratus sistem itu telah dibangunkan dan dijangka dapat digunakan awal tahun 2003," katanya.

Mohd Ali berkata kes-kes tertangguh yang melebihi dua tahun di Mahkamah Syariah bagaimanapun tidak banyak dan kebanyakannya tertangguh kerana pertikaian yang berlarutan dan masalah teknikal.

Menurutnya kes-kes mal dan jenayah yang tertangguh dan masih dalam prosiding sehingga kini ialah sebanyak 837 kes mal dan 250 kes jenayah.

Menjawab soalan Betty Chew Gek Cheng (DAP-Durian Daun), Ketua Menteri berkata kerajaan tiada apa-apa cadangan untuk memberi bantuan kepada peniaga kecil yang terjejas berikutan pembukaan pasar raya Tesco di Peringgit.

Mohd Ali berkata kerajaan sedang membuat kajian selama enam bulan untuk mengetahui kesan pembukaan pasar raya Tesco di Peringgit yang dikatakan menjejaskan peniaga kecil dan runcit di kawasan berdekatan.

Beliau berkata pada masa ini, tiada cadangan untuk membenarkan pembukaan pasar raya baru.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Kebudayaan negeri Datuk Hamdin Abdollah berkata projek siarkaki sepanjang 1.5 kilometer di Jalan Hang Tuah atau Hang Tuah Mall telah membuka banyak peluang perniagaan disamping menjadi tumpuan pelancongan.

Sambutan orang ramai terhadap tempat berkenaan amat memuaskan sejak ia dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 3 Okt lepas, katanya.

"Semua pengusaha yang sedia ada merupakan penduduk tempatan. Kerajaan melalui Majlis Perbandaran Melaka Bandaraya Bersejarah (MPMBB) sentiasa mengawal mutu barangan dan perkhidmatan yang disediakan di sana," katanya menjawab soalan Ab Karim Sulaiman (BN-Sungai Udang).

Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan negeri Datuk R Raghavan berkata pencapaian atlit Melaka pada Sukan Malaysia ke-14 di Sabah baru-baru ini amat baik dengan kutipan 15 pingat emas, 11 perak dan 17 gangsa.

Menjawab soalan Lim Jak Wong (DAP-Bachang), beliau berkata kerajaan negeri memberi ganjaran sebanyak RM1,300 kepada pemenang pingat emas, RM1,000 bagi perak dan RM800 gangsa.

-- BERNAMA
SBS MOZ